

05/03/2004

Isu calon dan gelagat ahli politik terus jadi tumpuan

Kadir Dikoh

KEDAH macam mana? Itulah pertanyaan popular sekarang ini. Kelantan dan Terengganu pula bagaimana?

Kemudian persoalan yang diajukan ialah siapa di kalangan Menteri Besar atau Ketua Menteri yang akan dipindahkan ke Pusat atau kena gugur. Ada pula yang bertanya siapa di kalangan menteri Kabinet yang akan digugurkan atau mengundur diri.

Semua itu menjadi perbualan umum sekarang ini sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengumumkan pembubaran Parlimen kelmarin. Tumpuan utama sudah pasti kepada tarikh penamaan calon dan hari mengundi yang dijangka ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini.

Dengan itu, muncul ramai tukang tilik dan ada yang meramalkan tarikh itu dan ini sebagai tarikh penamaan calon dan mengundi - bagaikan pegawai SPR. Inilah nujum Pak Belalang moden.

Seperti biasa, di kampung atau bandar, teka-teki sudah mula menular mengenai siapa bakal calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di sesuatu kawasan dan siapa pula calon pembangkang.

Setiap kenyataan orang BN atau pembangkang yang disiarkan akhbar menjadi rujukan utama selain risikan sesama sendiri kononnya orang itu dan ini pasti menjadi calon dengan memberi pelbagai alasan untuk menyokong hujahnya.

Dalam tempoh terdekat ini, akan diumumkan nama calon BN yang bertanding tetapi dikatakan kegiatan melobi masih berterusan setelah mereka terbabit mendapati namanya tidak disenaraikan.

Tidak hairanlah Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menjadi lokasi dua mesyuarat penting semalam - Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Dewan Tertinggi BN, menjadi tumpuan ramai, termasuk mereka yang tiada kaitan dengan mesyuarat itu.

Ada dua kemungkinan iaitu melobi sebagai calon untuk diri sendiri atau bagi pihak orang tertentu dan kedua, nak tahu maklumat terkini terutama berkisar kepada calon sama ada nama dia, kawan dia atau orang tertentu, naik dalam senarai mahupun digugurkan.

Antara yang menjadi sasaran mereka termasuklah wartawan untuk mendapatkan maklumat terkini meskipun sesetengahnya tidak mengenali antara satu sama lain. Pelbagai gelagat dapat disaksikan dengan masing-masing memegang telefon bimbit.

Selain membuat atau menerima panggilan, khidmat pesanan ringkas (SMS) akan menghantar pelbagai maklumat. Untungnya pengendali telefon mudah alih, entah berapa juta akan dikaut melalui caj SMS sepanjang pilihan raya ini.

Kerana kecanggihan sistem komunikasi juga, orang di luar bilik mesyuarat akan tahu apa berlaku dalam bilik mesyuarat, gara-gara kemudahan menghantar mesej melalui SMS.

Di warung atau coffee house, sudah mula dipenuhi orang politik dan bukan politik. Apa yang dikhuatiri, mereka ini lebih banyak berbual sesama sendiri, tetapi mengabaikan kawasan terutama yang diberi tanggungjawab bagi memastikan BN menang.

Penulis masih ingat lagi ketika pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang pada 2001, apabila coffee house di Hotel Holiday Villa di Alor Star, penuh dengan orang BN dan Umno setiap malam sehingga ada yang duduk di situ berjam-jam hingga awal pagi.

Pada hal orang Pas bergerak ke sana sini memberi ceramah dan membantu jentera kempen.

Pelbagai cerita lagi didengar. Di Kedah umpamanya, perang poster sudah bermula dan di beberapa kawasan seperti Baling, Gurun, Merbok dan Sik, terpampang slogan baru kempen Pas berbunyi 'Dah Lama Dah' merujuk kepada kerajaan negeri Kedah yang sudah lama dipimpin BN.

Penulis slogan itu mengambil ungkapan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan peletakan jawatan sebelum ini.

Apa pun, sepanjang Pilihan Raya Umum ke-11 ini, kita akan dapat melihat banyak lagi gelagat orang politik sama ada BN atau pembangkang. Adalah diharapkan semua pihak mematuhi undang-undang negara bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar dengan semangat demokrasi berparlimen.